

# Lancar kempen henti pasaran gelap

**Kuala Lumpur:** Malaysia berada di tangga teratas dunia berhubung kemasukan rokok seludup mengakibatkan kerugian cukai eksais mencecah RM5.3 bilion setiap tahun.

Susulan itu, syarikat tembakau *British American Tobacco* (Malaysia) Berhad (BAT Malaysia) bertekad mahu menghentikan pasaran gelap rokok.

Pengarah Urusan BAT Malaysia, Jonathan Reed berkata, pihaknya melancarkan kempen Hentikan Pasaran Gelap bagi menonjolkan kesan negatif pasaran gelap rokok, sekaligus mahu rakyat Malaysia berkongsi pandangan mereka mengenai cara untuk membanteras jenayah itu.

Menurutnya, kesan negatif pasaran gelap rokok begitu meluas hingga menjaskan perniagaan sah dan kehidupan rakyat.

“Kami menghargai dan memuji usaha gigih semua agensi penguatkuasaan undang-undang sejak kebelakangan ini, sekaligus berharap akan memberi tekanan kepada sindiket yang beroperasi di pasaran gelap rokok.

“Namun tindakan penguatkuasaan sahaja tidak mampu menyelesaikan masalah ini. Perhatian lebih serius harus diberikan terhadap isu ini dan rakyat Malaysia perlu diberi peluang menyuarakan pendapat mereka.

“BAT sentiasa mengambil pendekatan proaktif tampil bersama dalam membendung isu berkenaan sebelum bertambah parah,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.



BAT Malaysia tekad mahu menghentikan pasaran gelap rokok.